

BAB KELIMA

RUMUSAN HASIL KAJIAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini pada asasnya bertujuan untuk menjelaskan sejauhmana pertimbangan hukum syarak di kalangan masyarakat dalam menentukan pendirian politik. Kajian ini telah menggunakan pemerintahan Islam sebagai kerangka teori sebagaimana yang diutara oleh ulama dan sarjana Islam silam dan semasa. Ia merupakan satu metode pentadbiran Negara Islam yang bertujuan mendaulatkan dan memajukan Islam serta menjamin keselamatan rakyat seluruhnya. Sebab itu ia merangkumi maksud sistem politik Negara Islam yang disebut oleh sarjana Islam sebagai *al-'Ahkām al-Sulṭāniyyah*, *Nizām al-Hukm fī al-'Islām* atau *al-Nizām al-Siyāsī fī al-'Islām* dan sebagainya. Konsep ini merupakan konsep umum bagi istilah pemerintahan Islam.

Sistem Pemerintahan Islam merupakan satu konsep pentadbiran yang sangat penting dan unik kerana ia mampu menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat dari segi keadilan dan kesejahteraan, malah dapat menghidupkan penghayatan Islam dalam urusan pentadbiran dan kehidupan masyarakat. Pada masa yang sama sistem pemerintahan Islam dapat menggarap kualiti kepimpinan Islam yang sebenar dan mendokong ketinggian prinsip Islam sebagaimana yang diungkapkan oleh Ibn Taymiyyah dalam kenyataannya yang terkenal "*al-siyāsah al-syar'īyyah fī iṣlāḥ al-rā'i wa al-ra'īyyah*" (iaitu siasah syar'īyyah dapat memberikan kebaikan kepada rakyat dan meningkatkan kualiti para pemimpin – iaitu kedua-dua pihak – iaitu rakyat dan pemimpin mendapat kebaikan daripada Sistem Pemerintahan Islam).

Untuk itu kajian ini telah mengkaji sejauhmana hukum syarak di ambil kira oleh masyarakat di Kelantan dalam menentukan pendirian politik. Dengan itu dikemukakan dalam bahagian ini rumusan dan kesimpulan.

5.2 Pertimbangan Hukum Syarak di Kalangan Masyarakat dalam Menentukan Pendirian Politik

Dalam penyelidikan lapangan, tumpuan telah diberikan khusus kepada aspek penerimaan (sikap dan tanggapan) masyarakat di kawasan Pasir Mas terhadap pemakaian hukum syarak dalam menentukan pendirian politik. Hasil daripada kajian dan analisis yang dibuat, maka dinyatakan rumusan-rumusan berikut:

- i) Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati para responden memilih pemimpin adalah berdasarkan ciri-ciri kepimpinan Islam. Para responden bersetuju dengan konsep parti politik menurut Islam di mana 99 peratus responden menyatakan persetujuan mereka. Responden bersetuju dengan kenyataan politik Islam ialah menjadikan pentadbiran negara bersesuaian dengan syariat Islam. Hanya sebilangan kecil responden sahaja (1%) yang menolak kenyataan tersebut.
- ii) Analisis secara lebih terperinci ke atas setiap item menunjukkan tahap penerimaan masyarakat terhadap konsep politik Islam sangat baik di mana item “Politik Islam ialah menjadikan pentadbiran negara sesuai dengan syariat Islam” mendapat persetujuan yang tertinggi iaitu 76.2%, diikuti dengan item Politik Islam termasuklah menjadi pemimpin (74%) dan item Hal ehwal kuasa kerajaan adalah politik (67.8%). Pada pandangan responden, item “Politik Islam ialah menjaga kepentingan rakyat semata-mata” merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima akal. Ini kerana politik Islam merupakan sistem pentadbiran yang

lengkap, bukannya sekadar menjaga rakyat bahkan lebih dari itu. Kebanyakan responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Purata yang diperolehi untuk item tersebut ialah 1.81. Angka ini merupakan angka dalam kategori tidak setuju.

- iii) Dalam menentukan parti politik, masyarakat Kelantan amnya dan masyarakat Pasir Mas khususnya, menentukan parti berdasarkan parti yang dapat menjamin kedaulatan Negara. Negara yang aman damai adalah Negara yang mempunyai pemimpin yang berwibawa dan mampu memerintah. Sesebuah Negara itu dikatakan mempunyai kedaulatan yang tinggi sekiranya dapat mengawal keadaan konflik dengan cepat. Pandangan masyarakat ini bersesuaian dengan konsep kedaulatan dalam Islam di mana sesebuah Negara yang berdaulat dan mempunyai kuasa yang tinggi dapat menggubal dan membuat undang-undang dan seterusnya melaksanakannya. Masyarakat juga menentukan parti politik berdasarkan kepada parti yang memberi kemudahan kepada penduduk. Ini bermaksud, masyarakat akan memilih parti yang betul-betul menjaga kebajikan rakyat. Sistem pemerintahan Islam adalah sistem yang menjaga kebajikan rakyat jelata tanpa mengira agama dan bangsa.

- iv) Bagi syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik menurut Islam, masyarakat di Pasir Mas secara sebulat suara menolak pemimpin yang mengamalkan rasuah. Di dalam sistem pemerintahan Islam, pemimpin yang baik adalah pemimpin yang menjaga harta negara, berbelanja dengan berhemat dan menjauhi segala apa yang dilarang oleh Islam. Pandangan masyarakat Pasir Mas adalah selari dengan kehendak sistem pemerintahan Islam. Ini menunjukkan

bahawa masyarakat Pasir Mas menghendaki pemimpin yang mengamalkan sistem pemerintahan Islam dalam kehidupan mereka.

5.3 Perbezaan/Perhubungan Latarbelakang Responden dengan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik

Melalui ujian χ^2 (Khi – Kuasa Dua) dan ujian Anova sehala yang dijalankan, didapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara latarbelakang dengan pandangan masyarakat Pasir Mas tentang kefahaman politik, di mana ujian statistik menunjukkan latarbelakang berkenaan berada di bawah paras pengujian 0.05 atau 95% pada selang keyakinan. Rumusan dan kesimpulan yang diperolehi adalah seperti berikut:

- i) Faktor aliran pendidikan sahaja yang mempengaruhi pandangan masyarakat tentang kefahaman politik kerana paras bacaan bagi latarbelakang tersebut adalah pada 0.027, iaitu berada di bawah paras pengujian 0.05 atau 95% selang keyakinan.
- ii) Responden dari kalangan mereka yang berpendidikan agama lebih memahami konsep politik Islam berbanding dengan yang lain.
- iii) Latarbelakang umur, status, pekerjaan, dan tahap pendidikan adalah tidak mempengaruhi pandangan masyarakat tentang kefahaman politik kerana daripada ujian statistik didapati bahawa latarbelakang tersebut melebihi paras pengujian 0.05 atau 95% selang keyakinan. Ini menunjukkan bahawa latar belakang umur, status, pekerjaan dan tahap pendidikan tidak berbeza antara satu sama lain. Pandangan mereka tentang kefahaman politik adalah sama. Dapat dikatakan bahawa mereka yang berumur 51 ke atas mempunyai pandangan yang sama dengan mereka yang berumur 21-30. Begitu juga dengan tahap pendidikan, hasil kajian menunjukkan bahawa mereka yang

mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah mempunyai pandangan yang sama dengan mereka yang memiliki ijazah tentang kefahaman politik.

5.4 Perbezaan/Perhubungan Latarbelakang Responden dengan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik

Latarbelakang atau faktor pekerjaan merupakan angkubah yang paling dominan kerana telah mempengaruhi pandangan masyarakat tentang penentuan parti politik. Ia diikuti dengan latarbelakang umur, tahap pendidikan dan aliran sekolah. Manakala ujian Anova yang dijalankan, didapati telah mengukuhkan lagi dapatan daripada ujian χ^2 (Khi – Kuasa Dua) di mana wujudnya jurang perbezaan yang signifikan antara angkubah pekerjaan dengan pandangan masyarakat tentang penentuan parti politik. Dengan kata lain, pandangan masyarakat tentang penentuan parti politik berdasarkan pekerjaan adalah berbeza secara signifikan. Perbezaan signifikan yang berlaku antara mereka yang bekerja sendiri dengan kumpulan penjawat awam.

5.5 Perbezaan/Perhubungan Latarbelakang Responden dengan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Menurut Islam

- i) Latarbelakang atau faktor umur merupakan angkubah yang paling dominan yang telah mempengaruhi pandangan masyarakat tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti menurut Islam. Ia diikuti dengan latarbelakang pekerjaan dan tahap pendidikan.
- ii) Manakala ujian Anova yang dijalankan, didapati telah mengukuhkan lagi dapatan daripada ujian χ^2 (Khi – Kuasa Dua) di mana wujudnya jurang perbezaan yang signifikan antara angkubah tertentu dengan tahap

penerimaan masyarakat tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti menurut Islam, sebagai contoh:

- a. Pandangan golongan 21-30 adalah pada bacaan 20.33, golongan 31-40 pada bacaan 18.94, golongan 41-50 pada bacaan 21.16 dan golongan 51 ke atas pada bacaan 22.00. Dari sini jelas menunjukkan bahawa golongan 51 ke atas mempunyai bacaan yang tertinggi berbanding dengan golongan lain. Manakala pandangan golongan yang berumur 31-40 merupakan paling rendah. Oleh itu terdapat perbezaan skor antara golongan 51 ke atas dengan golongan 31-40. Ini menunjukkan bahawa golongan 51 tahun ke atas lebih memahami isu ini berbanding dengan golongan-golongan muda. Dengan kata lain, pandangan tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dipengaruhi oleh faktor umur.
- b. Pandangan golongan pelajar adalah pada bacaan 20.50, penjawat awam 20.02 dan mereka yang bekerja sendiri 21.70. Data ini menunjukkan bahawa golongan yang bekerja sendiri mempunyai pandangan yang paling tinggi berbanding dengan golongan lain. Oleh itu terdapat perbezaan skor sebesar 1.68 antara skor yang paling tinggi dengan skor yang paling rendah. Ini menunjukkan bahawa golongan bekerja sendiri lebih memahami isu ini berbanding dengan golongan-golongan lain. Dengan kata lain, faktor pekerjaan mempengaruhi pandangan tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin.

Secara keseluruhannya, masyarakat Pasir Mas menggunakan prinsip hukum syarak dalam memilih pemimpin. Ini kerana pemimpin yang dipilih berdasarkan hukum syarak dapat mengukuhkan kedudukan Islam dalam masyarakat serta memberi jaminan kebajikan kepada masyarakat.

5.6 Cadangan

Melalui kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pendidiran politik masyarakat Pasir Mas adalah tidak lari daripada skema sistem pemerintahan Islam. Dengan itu ia dapat memberi kesan positif kepada masyarakat. Bertolak dari situlah, kajian lapangan yang melibatkan para responden telah menunjukkan aliran sokongan masyarakat kepada sistem pemerintahan Islam adalah besar dan menyeluruh, lebih-lebih lagi fokus utama yang diberikan dalam pentadbiran ialah kepada aspek keislaman dan kebajikan masyarakat yang menjadi agenda terpenting. Apa yang jelas ialah masyarakat Pasir Mas adalah sebuah masyarakat yang sangat sensitif dan serius dengan agenda keislaman di mana ia akan menarik perhatian yang luar biasa daripada mereka apabila persoalan keislaman dibangkit atau dijalankan, termasuklah sikap mereka yang sangat menyanjung kedudukan ulama sehingga menerima peranan ulama dalam pentadbiran. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar perkara-perkara berikut:

Pertama; Sistem pemerintahan Islam perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Ia bukanlah manifesto semata-mata. Cadangan ini dikemukakan bertujuan supaya pihak yang bertanggungjawab melaungkan perjuangan Islam tidak menisiasikan prinsip perjuangan yang dikuatkuasakan. Ini kerana masyarakat akan dapat merasai sekiranya sistem pemerintahan yang dilaungkan hanyalah sekadar dibibir sahaja. Sekiranya ini diabaikan, ia akan menimbulkan kesukaran untuk merancang penambahbaikan dan sukar pula untuk menghasilkan agenda keislaman yang lebih mantap pada masa akan datang. Keadaan ini sudah tentu memberikan kesan tertentu kepada sokongan masyarakat apabila mereka melihat kelemahan yang berlaku, kerana pemikiran rakyat sangat mencabar dan kritis, walaupun terhadap pemimpin dan kerajaan mereka sendiri apabila kepentingan mereka terabai.

Kedua; Pendidikan adalah agen yang berkesan dalam membangunkan dan mengubah masyarakat. Pendidikan dapat mengubah peranan seseorang dalam masyarakat. Pendidikan amat penting dalam mencorakkan pemahaman masyarakat tentang penglibatan individu dalam parti politik. Masyarakat perlu didedahkan tentang sistem pemerintahan Islam agar mereka tidak keliru dan agar mereka dapat membezakan antara sistem pemerintahan Islam dengan sistem pemerintahan sekular.

5.7 Kesimpulan

Kajian ini dibuat untuk mengetahui sejauhmana tahap pertimbangan hukum syarak di kalangan masyarakat Pasir Mas dalam menentukan pendirian politik dan perbezaan yang wujud antara kefahaman terhadap politik dengan umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran pengajian. Secara umumnya, peratusan persetujuan kefahaman masyarakat Islam dalam menentukan pendirian politik agak tinggi iaitu antara 70-73 peratus. Hasil kajian juga mendapati, wujudnya perbezaan antara kefahaman terhadap politik dengan umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran pengajian.